

Projek naik taraf SPCT dijangka siap tahun hadapan

Georgetown: Dua kapal persiaran yang besar boleh berlabuh serentak apabila projek naik taraf Terminal Kapal Persiaran Swettenham (SPCT) siap tahun hadapan, kata Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

Beliau berkata projek naik taraf SPCT itu adalah manifestasi Kementerian Pengangkutan terhadap pentingnya industri kapal persiaran di Malaysia.

Projek itu adalah satu langkah untuk menterjemahkan aspirasi kerajaan dalam melaksanakan Dasar Pengangkutan Negara yang dilancarkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 17 Oktober lalu.

“Pelabuhan Pulau Pinang sendiri pada tahun 2019 adalah hab kapal persiaran nombor satu di Malaysia. Projek naik taraf SPCT ini membabitkan pemanjangan dermaga sepanjang 220 meter ke utara terminal sedia ada dan pembangunan serta penstrukturan semula kawasan terminal untuk memperuntukkan fasiliti yang mencukupi kepada semua penumpang dan pengguna SPCT.

“Projek naik taraf SPCT akan dilaksanakan dalam tempoh 24 hingga 36 bulan namun dijangka mampu disiapkan lebih awal iaitu hanya dalam masa 12 bu-



Anthony Loke

lan, bermakna pada Tahun Baharu Cina tahun depan ia akan siap,” katanya berucap pada majlis pelancaran projek naik taraf terminal itu di sini hari ini yang turut dihadiri oleh Menteri Kewangan Lim Guan Eng dan Ketua Menteri Chow Kon Yeow.

Loke berkata selepas siap pelaksanaan pembesaran dermaga itu, ia berupaya mengendalikannya 12,000 penumpang pada satu-satu masa dan akan membolehkan dua kapal terbesar di dunia iaitu kelas ‘Oasis’ untuk berlabuh pada satu masa yang sama. Pada masa ini terminal berkenaan hanya mampu menempatkan seramai 8,000 penumpang.

Loke berkata industri kapal persiaran memainkan peranan

penting dalam sektor pelancongan sejak 10 tahun yang lepas di mana industri kapal persiaran global telah menyaksikan peningkatan jumlah penumpang pada kadar purata 14 peratus setahun.

“Menjelang tahun 2035, adalah dianggarkan 4.5 juta penumpang kapal persiaran akan belayar di seluruh Asia Tenggara. Angka ini termasuklah jumlah penumpang kapal-kapal persiaran yang akan singgah di pelabuhan-pelabuhan Malaysia.

“Pada tahun 2020, adalah dijangkakan seramai 32 juta orang akan menggunakan perkhidmatan kapal persiaran di seluruh dunia. Bagi menampung jumlah permintaan yang kian meningkat, Cruise Lines International Association (CLIA) menyasarkan sebanyak 19 buah kapal persiaran yang baharu akan mula beroperasi,” katanya.

Beliau berkata menjelang penghujung tahun 2020, CLIA menjangkakan sebanyak 278 buah kapal persiaran akan beroperasi di seluruh dunia dan sudah tentu kapal-kapal persiaran tersebut turut akan singgah di terminal-terminal kapal persiaran di Malaysia khususnya di SPCT.

BERNAMA